



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

11 APRIL 2019

FASILITI PERKONGSIAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN SAINTIFIK NASIONAL (NSFE) MEMBUKA PELUANG POTENSI PENGGUNAAN 1200 PERALATAN SAINTIFIK KEPADA SEKTOR INDUSTRI

11 April 2019, Putrajaya – Fasiliti Perkongsian Kemudahan dan Peralatan Saintifik Nasional dalam talian diwujudkan buat pertama kalinya bagi **membuka peluang potensi penggunaan 1,200 peralatan saintifik** kepada sektor industri dalam usaha merencanakan lagi kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Fasiliti Perkongsian Kemudahan dan Peralatan Saintifik Nasional (National Scientific Facilities & Equipment) atau NSFE ini merupakan inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) bagi menggalakkan sektor industri untuk bekerjasama dengan sektor awam yang akan meningkatkan **sumbangan perbelanjaan sektor industri dalam R&D mencapai sehingga 70%**.

Inisiatif ini dapat membantu komuniti sains, teknologi dan inovasi (STI) melaksanakan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R&D&C) pada **kos efektif melalui sewaan atau perkhidmatan analisis berkaitan tanpa perlu membuat pembelian peralatan yang mahal**. Pihak industri juga berpeluang memperoleh khidmat nasihat pakar dalam bidang sains dan teknologi melalui kerjasama perkongsian kemudahan dan peralatan saintifik ini.

Melalui NSFЕ juga, negara mempunyai maklumat berpusat mengenai kemudahan dan peralatan saintifik sedia ada yang akan **mengelakkan pertindihan pembelian peralatan baharu seterusnya menjimatkan perbelanjaan negara.**

Sehingga hari ini, data dalam Fasilitas yang dibangunkan oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), MESTЕCC ini, mengandungi 318 kemudahan dan 884 peralatan saintifik yang sedia dikongsi bersama pengguna. Peralatan ini dimiliki oleh 32 jabatan dan agensi kerajaan, institusi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan syarikat milik kerajaan (GLC).

Bilangan ini dijangka bertambah pada penghujung tahun 2019 kepada 1,200 peralatan saintifik daripada 100 jabatan/agensi pemilik peralatan.

Perkongsian kemudahan dan peralatan saintifik bagi inisiatif ini adalah merujuk kepada skop dan definisi seperti yang berikut:

- a. **Skop perkongsian** kemudahan dan peralatan saintifik merangkumi sewaan peralatan, kerjasama R&D, penganalisan sampel, tawaran khidmat nasihat teknikal dan perkongsian hasil data analisis;
- b. **Definisi kemudahan STI** adalah merujuk kepada tempat atau ruang yang mana aktiviti penyelidikan dijalankan seperti makmal penyelidikan, pusat pemantauan dan tempat pengujian yang menempatkan peralatan saintifik; dan
- c. **Definisi peralatan saintifik** pula merujuk kepada semua peralatan yang digunakan bagi tujuan penyelidikan, pemantauan, pengujian dan pembelajaran yang bernilai melebihi RM100,000.00 dan ke atas.

Bagi tujuan perkongsian dan tempahan, pengguna boleh mencapai maklumat kemudahan dan peralatan saintifik ini melalui:

- a. Direktori Kemudahan dan Peralatan yang boleh dicapai melalui URL nsfe.mestecc.gov.my. Pengguna boleh membuat carian senarai peralatan yang dikongsi menggunakan medan carian seperti nama kemudahan dan peralatan, organisasi, perincian peralatan saintifik dan lokasi kemudahan; dan
- b. Aplikasi “MESTЕCC Scientific Equipment Directory” (yang akan dijenamakan sebagai National Scientific Facilities & Equipment) yang boleh dimuat turun melalui Google Playstore untuk urusan tempahan perkongsian penggunaan. Pengguna boleh membuat tempahan secara atas talian dan tempahan tersebut akan terus die-melkan kepada pengurus kemudahan dan peralatan saintifik berkenaan. Untuk memudahkan pengguna menentukan kemudahan dan peralatan yang bersesuaian, aplikasi ini menyediakan medan carian yang terbahagi kepada

empat jenis analisis iaitu Analisis Biologi, Analisis Kimia, Analisis Fizik dan Analisis Matematik. Setiap rekod yang dipaparkan mengandungi nama kemudahan, nama peralatan, fungsi, anggaran yuran, maklumat perhubungan dan skop perkongsian.

Amatlah diharapkan dengan pewujudan NSFE, pihak industri berpeluang melaksanakan R&D bagi menghasilkan **produk-produk yang lebih inovatif, berkualiti, berdaya saing** dan menempatkan produk mereka pada kelompok yang mendahului pesaingnya di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan NSFE, MESTECC telah menetapkan **indeks petunjuk prestasi pada 85% tahap penggunaan peralatan saintifik yang dikongsi.** Penetapan tahap penggunaan ini dianggap paling optimum penggunaannya bagi memberi masa pemilik untuk melakukan aktiviti penyelenggaraan, penentukuran (*calibration*) alat dan pembaikan kerosakan.

Kewujudan fasiliti ini turut menggalakkan perkongsian kemudahan dan peralatan saintifik dalam kalangan komuniti penyelidik dan industri dalam pelbagai sektor.

MESTECC akan terus memperkayakan fasiliti ini dengan menambahkan bilangan peralatan yang dikongsi. MESTECC mengalu-alukan pelbagai agensi/jabatan dan swasta yang memiliki kemudahan dan peralatan saintifik berharga RM100,000.00 ke atas untuk disenaraikan dalam fasiliti ini. Maklumat boleh dimajukan kepada Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) melalui e-mel infoservices_mastic@mestecc.gov.my.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Normaizatulkmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat,
MESTECC
No. Tel: 012-9075372

MAKLUMAT TAMBAHAN MENGENAI NSFE

1. Inisiatif kerjasama perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan saintifik ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara yang mensasarkan nisbah minimum perbelanjaan R&D antara sektor awam dan swasta kepada 30:70. Menurut Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan 2017, pada masa ini tahap perbelanjaan R&D bagi sektor industri (*business enterprise*) adalah 57% daripada keseluruhan perbelanjaan R&D negara.
2. Walaupun perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan saintifik sedia ada di pelbagai jabatan dan agensi telah sedia diamalkan, namun maklumat berkaitan kemudahan dan peralatan saintifik yang ada di setiap organisasi diuruskan secara berasingan oleh institusi masing-masing menyebabkan capaian maklumat dan urusan tempahan sukar dilakukan. Atas kesedaran ini, MESTECC telah menyediakan satu platform kemudahan dan peralatan saintifik berpusat secara atas talian untuk rujukan pengguna bagi memangkinkan amalan perkongsian kemudahan dan peralatan saintifik secara lebih teratur. Dengan adanya platform ini memudahkan carian maklumat dan urusan tempahan perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan saintifik dan mengoptimumkan penggunaan kemudahan dan peralatan saintifik yang dimiliki oleh agensi awam.
3. Platform ini adalah merupakan *advancement function* daripada modul kemudahan dan peralatan sistem maklumat berpusat KRSTE.my yang telah dibangunkan sejak 2004. Selain daripada itu, KRSTE.my juga menyediakan maklumat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang merangkumi modul modal insan STI, teknologi/produk berpotensi dikomersialkan, projek STI serta kemudahan dan peralatan saintifik.
4. Bilangan agensi pembekal data, kemudahan dan peralatan saintifik (FNE) yang ditawarkan untuk perkongsian FNE adalah bersifat dinamik disebabkan data dikemas kini oleh pembekal data secara *real time* (masa nyata) dalam talian.
5. Ketersediaan peralatan saintifik yang sedia untuk dikongsi adalah bergantung sepenuhnya kepada pemilik kemudahan dan peralatan saintifik tersebut.
6. Jadual ketersediaan perkongsian kemudahan dan peralatan boleh diperolehi daripada pemilik peralatan. Ketersediaan perkongsian peralatan saintifik juga akan mengambil kira pelbagai faktor seperti jenis ujian yang akan dilaksanakan, persediaan sampel dan usia peralatan tersebut.